



## **NOTIS PEMBERITAHUAN PELANGGAN YANG DIHORMATI**

Seperti yang kita semua sedia maklum, akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020 bagi membendung penularan pandemik COVID-19, Industri Kandungan Kreatif telah terjejas yang mana syarikat produksi tidak dapat menjalankan aktiviti penerbitan program TV tempatan, seterusnya mengakibatkan ramai penggiat industri yang kehilangan pekerjaan dan pendapatan.

Dimaklumkan bahawa di bawah Program Pelan Langkah Segera Ekonomi Industri (PELAKSANA), dengan tujuan untuk merangsang perkembangan penerbitan program TV dan membuka peluang pekerjaan kepada penggiat industri tempatan yang terjejas, FINAS dengan ini membenarkan permohonan FIMI seperti yang berikut:

- (1) permohonan FIMI melibatkan format program realiti TV tempatan; dan
- (2) permohonan FIMI oleh penyiar swasta tempatan atau syarikat produksi tempatan yang mempunyai projek yang dibiayai oleh penyiar swasta tempatan (walaupun hak cipta produk adalah dimiliki sepenuhnya oleh penyiar swasta tempatan),

yang merupakan satu pengecualian terhadap syarat-syarat yang terkandung dalam Garis Panduan Permohonan Domestik FIMI sedia ada.

(“**Kebenaran Permohonan FIMI**”).

Sila ambil perhatian bahawa:

- (a) Kebenaran Permohonan FIMI adalah terhad hanya bagi tempoh lima (5) bulan bermula 1 Ogos 2020 sehingga 31 Disember 2020;
- (b) Kebenaran Permohonan FIMI adalah tertakluk kepada syarat-syarat lain yang terkandung dalam Garis Panduan FIMI (Domestik) sedia ada dan syarat-syarat dalam dokumen-dokumen lain yang mengawal selia permohonan FIMI; dan
- (c) Permohonan FIMI yang dibuat oleh penyiar swasta tempatan berikutan Kebenaran Permohonan FIMI juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat tambahan yang berikut:
  - (AA) penyiar swasta tempatan hendaklah melibatkan syarikat produksi tempatan bebas dalam sesebuah projek produksi sebagai syarat memohon FIMI; dan

(BB) rebat tunai bawah FIMI akan dibayar kepada syarikat produksi tempatan bebas tersebut.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas boleh dibuat dengan menghubungi:

- NORASHIKIN AHMAD NOR – 0341041433
- MUZRI BIN ABDULLAH - 0341041336
- AHMAD AZHAR MD KASSIM - 0341041369
- AZRINA ZAINAL ABIDIN - 0341041337
- KU BADLISYAH BIN MOHD NOOR - 0341041350
- NIK SALWA NIK MOHAMED AMAN - 0341041368

*14 September 2020*

Bahagian Galakan Penggambaran  
Unit FIMI Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)